



# Terima kasih ibu ayah, Sir Loo

"**GURU** yang banyak memberi dorongan kepada saya adalah ibu bapa. Kesusahan hidup kami mendorong saya belajar sehingga berjaya. Ibu, Zamani Harun merupakan suri rumah dan bapa, Sulaiman Salleh pembantu makmal. Masih berlegar-legar dalam ingatan, melihat ibu yang saban malam tidur lewat, kerana menyiapkan tempahan baju pelanggan. Ibu pandai menjahit dan mengambil tempahan baju daripada masyarakat sekitar. Apabila musim raya hampir tiba, tempahan baju yang diterima ibu berganda, maka saya dan adik-beradik turut membantu ibu sekadar yang mampu. Alhamdulillah, duit tempahan hasil menjahit baju itu dapatlah membantu bapa dalam menjana pendapatan keluarga.

Detik hati berkata 'keluarga ku susah, hanya dengan pelajaran saja dapat mengubah nasib keluarga ku'. Keputusan SPM yang saya peroleh, tidak begitu melayakkan diri mendapat tempat di universiti, lalu saya meneruskan pelajaran ke tingkatan 6 pada 1994 dan 1995. Kemudian, keputusan STPM 1995 yang saya terima juga tidak melayakkan untuk ke universiti lagi. Perasaan sedih mula menyelubungi diri.

Dengan tekad yang tinggi untuk ke menara gading, saya mengambil peperiksaan STPM kali kedua di sekolah swasta. Ibu memberi dorongan sepenuhnya untuk belajar. Saya sangat bersyukur kerana ibu menyokong walaupun terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang besar belajar di sekolah swasta. Belajar di Institut Padang Merdeka Kota Bharu, berulang-alik setiap hari demi mencapai kejayaan. Alhamdulillah, akhirnya STPM 1996, saya berjaya dan layak untuk meneruskan pengajian ke Universiti Putra Malaysia dalam bidang Bimbingan & Kaunseling.

Selain mereka berdua, Sir Loo Sing Sang juga adalah individu yang banyak mendorong saya untuk berjaya. Merupakan guru Matematik Moden semasa tingkatan 4 dan 5, Sir Loo



Sing Sang juga merupakan jurulatih hoki saya sehingga saya dapat mewakili Kelantan dalam sukan hoki empat tahun berturut-turut.

Ada kisah menarik tentang Sir Loo Sing Sang yang ingin dikongsikan. Kisahnya begini, Sir Loo melihat kesungguhan saya untuk bermain hoki. Jadi, semasa tingkatan 4, beliau mencadangkan saya mengikuti aliran Sastera agar pelajaran tidak terganggu dek hoki. Memandangkan dapat masuk aliran sains, saya terpaksa akur dengan saranan Sir Loo dan percaya yang beliau mahu berikan yang terbaik buat diri ini.

Sepahjang pengajian, saya lemah dalam Matematik Moden dan beliaulah yang mengadakan kelas tambahan setiap hari untuk pastikan keputusan subjek ini tinggi dan alhamdulillah saya berjaya.

Sebagai guru dan jurulatih hoki, Sir Loo sangat mengambil berat tentang saya, sehingga saya disaman polis kerana menaiki motor tanpa memakai topi keledar. Saman saya, dibayar oleh Sir Loo.

Kemudian setiap kali pasukan hoki menjuarai Kelantan, Sir Loo pasti merakan kami satu pasukan dengan belanja kami makan.


Saya sangat bersyukur kepada ALLAH SWT kerana menganugerahkan kedua ibu bapa yang gigih mendidik dan mendorong hingga berjaya. Saya sangat berterima kasih kepada Sir Loo Sing Sang serta semua guru yang telah mengajar dan mendidik saya hingga cemerlang dalam pelajaran seterusnya mendapat kerjaya sebagai guru.

Terima kasih dan syukur alhamdulillah atas tunjuk ajar semua guru sehingga saya sekarang bergelar Kaunselor Cemerlang. Atas didikan kalian membentuk jiwa dan pemikiran saya sehingga saya ke tahap ini, kini saya memberikan yang terbaik untuk anak-anak murid saya pula sebagaimana diri menerima didikan dahulu.

- Suhaili Sulaiman, 41, Guru Cemerlang (Bimbingan & Kaunseling), SMKA Melor, Padang Raja, Kola Bharu, Kelantan


Berita lanjut, layari [www.gpsbestari.com](http://www.gpsbestari.com)

## TOP 3 MINGGU INI



Kementerian Pendidikan, Jakim bincang terma dan rujukan pendaftaran sekolah tahfiz

Kementerian Pendidikan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan berbincang berhubung terma dan rujukan untuk proses pendaftaran sekolah tahfiz agar dapat diletakkan di bawah satu institusi.



Kementerian Kesihatan belum dapat laporan penuh bedah siasat kematian pelajar tahfiz Kementerian Kesihatan masih belum mendapat laporan penuh bedah siasat kematian pelajar tahfiz, Mohamad Thaqif Amin Mohd Gaddafi yang dilaporkan dipukul seorang pembantu warden.



Murid tahun tiga SK Kampung Serdang bawa pulang kereta Peugeot 408

Seorang murid darjah tiga terkedu kerana tidak menyangka dirinya bertuah memenangi sebuah kereta Peugeot 408 tajaan syarikat Naza Automotif Manufacturing Sdn Bhd., pada Perlis Marathon 2017 di sini, kelmarin.

## PERADUAN #GURUKUSEKOLAHKU

GURU PEMBINA NEGARA BANGSA

